

HENTIKAN SEGERA JENAYAH WARGA AFRIKA



**NOOR MOHAMAD
SHAKIL HAMEED**

SEKALI lagi masyarakat kita dikejutkan dengan laporan kegiatan jenayah terancang oleh segelintir warga Afrika di negara ini yang secara berterusan menipu rakyat kita serta mengaut keuntungan yang cukup lumayan. Pendedahan eksklusif akhbar *Utusan Malaysia* yang memabitkan sindiket licik warga Afrika dikenali sebagai *Love Scam* dan *African Hacker* cukup merisaukan kita.

Walaupun selama ini kita sudah terbiasa dengan pelbagai pendedahan berkaitan jenayah yang dilakukan oleh warga asing terutamanya dari Afrika namun penulis merasakan ini adalah detik kemuncaknya. Percayalah, andai akhbar ini tidak mengambil inisiatif dan tanggungjawab untuk mendedahkan keseriusan jenayah memabitkan dua sindiket terbesar seperti ini pasti kita akan terus leka dan tidak perasan betapa begitu banyak rakyat kita menjadi mangsa penipuan mereka.

Mengikut laporan, berdasarkan statistik Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, dari Januari hingga November lalu kira-kira RM195 juta berjaya 'diterbangkan' dari negara ini hasil penipuan Sindiket *Love Scam* dan RM53 juta lagi daripada aktiviti Sindiket *African Hacker*. Ini bermaksud secara keseluruhannya RM248 juta telah dibawa keluar ke Nigeria melalui sindiket penipuan siber yang didalangi oleh warga Nigeria.

Membaca laporan sebegini kita hanya mampu menepuk dahi dan geleng kepala kerana bagi penulis sendiri seolah-olah masih begitu sukar untuk percaya betapa rakyat kita begitu mudah ditipu oleh orang luar. Dan mudahnya mereka menjana pendapatan yang cukup lumayan dalam tempoh masa yang sangat pendek. Ironinya kita percaya jumlah ini sebenarnya mungkin lebih banyak daripada yang dilaporkan kerana dimaklumkan masih ramai mangsa yang tidak tampil untuk membuat laporan kepada pihak berkuasa.

Hakikatnya baharu sekarang semua pihak mula celik mata dan melihat isu ini sebagai suatu perkara yang serius. Namun jangan lupa jumlah wang yang hilang itu tetap hilang di mana nasi tetap sudah menjadi bubur, tetapi sekurang-kurangnya sekarang kita boleh ambil iktibar dan berusaha untuk hentikannya. Cukup-cukuplah rakyat kita diperbodohkan, dijadikan kuda tunggangan dan juga kambing hitam. Sampai bila kita mahu masyarakat kita diancam oleh sindiket licik dan terancang seperti ini.

Malah kita khuatir sudah ada yang melabel Malaysia sebagai hab



KEMASUKAN pelajar warga Afrika perlu dihadkan untuk mengelakkan lebih banyak lagi kes penipuan oleh warganegara itu dilakukan di negara ini. - GAMBAR HIASAN

penipuan warga Afrika dan juga wujud persepsi negatif dalam kalangan masyarakat dunia sehingga menganggap sindiket ini sebagai sindiket *Malaysian Love Scam*.

Rentetan daripada pendedahan eksklusif ini timbul terlalu banyak persoalan yang berlegar di minda kita yang perlu dirungkai dengan segera. Antaranya, kenapa rakyat negara ini mudah menjadi mangsa dan kumpulan sasaran sindiket seumpama ini? Adakah berlaku ketirisan dalam aspek penguatkuasaan undang-undang atau masyarakat kita sebenarnya masih leka dan cuai sehingga mudah menjadi mangsa keadaannya? Atau apa benar tuduhan bahawa rakyat kita turut bersekongkol dan menjadi dalang di sebalik sindiket ini?

Apa benar warga luar terutamanya dari Afrika begitu mudah dan bebas untuk menyalahgunakan pas lawatan mahupun pas pengajian untuk masuk ke negara ini bagi memulakan perancangan jenayah mereka? Ini adalah antara persoalan yang masih tidak mampu untuk kita memperoleh jawapan yang jelas dan nyata kerana kita masih meneruskan budaya saling tuding menuding menyalahkan antara satu sama lain. Ringkasnya agensi A menyalahkan agensi B manakala agensi B menyalahkan agensi C dan seterusnya umpama lagu *Bangau Oh Bangau*.

Pokok pangkalnya ini bukan masa untuk menuding jari dan menyalahkan orang lain kerana apapun telah terjadi kita perlu fokus ke hadapan untuk tangani isu ini dari peringkat akar umbi lagi agar tidak terus berleluasa. Kita tidak boleh membiarkan sindiket ini terus bermaharajalela di negara kita. Dalam konteks ini pihak berkuasa wajar

menerima pandangan pakar dan juga anggota masyarakat yang telah mengemukakan beberapa cadangan seperti menghadkan jumlah kemasukan warga Afrika terutamanya yang berstatus pelajar, memantau secara serius pergerakan dan aktiviti golongan ini, mewujudkan mekanisme saringan dan tapisan yang lebih proaktif dan berkesan di setiap pintu masuk serta melaksanakan ujian psikometrik terhadap pelajar asing untuk menilai kemampuan dan latar belakang mereka sebelum masuk ke negara kita.

Secara logiknya cadangan-cadangan ini dilihat cukup praktikal dan relevan untuk diamalkan setelah mengambil kira apa yang sedang berlaku yang menggambarkan seolah-olah kita begitu sukar untuk mengawal dan membanteras kegiatan mereka. Di samping kita pantau dan saring secara lebih serius kemasukan warga Afrika ke negara kita, kita juga perlu pastikan tindakan penguatkuasaan dan aspek kesedaran dalam kalangan anggota masyarakat diberi fokus yang sewajarnya.

Misalnya pihak Perkhidmatan Pendidikan Global Malaysia (EMGS) dilaporkan mendedahkan sebanyak 15 peratus daripada 113,000 pelajar antarabangsa di negara ini adalah warga Afrika. Walaupun jumlah 15 peratus boleh digambarkan secara relatifnya masih sedikit namun apa jaminan mereka ini tidak akan terbabit dengan jenayah seperti ini. Ini ditambah pula dengan sasaran kemasukan sebanyak 200,000 orang pelajar antarabangsa menjelang tahun 2020.

Dalam hal ini kita juga sangat bersetuju dengan cadangan pihak kerajaan agar pelajar dari Afrika perbaharui visa setiap tahun serta

kelulusan visa berdasarkan kursus pengajian sebagai langkah pencegahan tambahan. Hakikatnya kita bukanlah terlalu kejam dan zalim sehingga menggambarkan semua warga Afrika terutamanya yang datang untuk melanjutkan pelajaran di negara ini sebagai penjenayah namun tidak salah untuk kita lebih berhati-hati dan berwaspada sebelum situasi menjadi di luar kawalan pihak berkuasa.

Dalam pada itu, masyarakat juga perlu lebih berhati-hati. Dalam kes sindiket *Love Scam* misalnya kenapa begitu mudah wanita tempatan menjadi mangsa? Walaupun pendedahan demi pendedahan dibuat sebelum ini tetapi wanita kita terus menjadi mangsa taktik licik sindiket ini. Janganlah terlalu mudah percaya kepada orang luar dan menagih cinta palsu lelaki hidung belang yang hanya mahukan duit. Cukup menyedihkan kerana segelintir golongan wanita ini seolah-olah hilang pertimbangan dan mudah terpedaya begitu saja termasuk golongan profesional dan berpendidikan tinggi. Justeru dalam hal ini usaha untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan anggota masyarakat perlu dilipatgandakan.

Sudah-sudahlah apa yang telah berlaku selama ini. Kita tidak mahu sindiket seperti *Love Scam*, *African Hacker* ataupun mungkin ada nama baru lepas ini terus mengancam dan menghantui masyarakat kita. Jenayah terancang warga luar terutamanya dari Afrika ini perlu ditangani dan dihentikan segera sebelum lebih ramai lagi rakyat kita menjadi mangsa mereka.

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia.